



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMANTAUAN KE ATAS HARGA DAN STOK BARANGAN KEPERLUAN
ASASI TERTENTU**

Tarikh: 16hb. Ogos 2021

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini memaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (**JPES**) sentiasa memantau **harga** dan **stok** barangan keperluan asasi tertentu secara **mingguan sejak Disember 2020**.
2. Maklumat dari kerja-kerja pemantauan ini dikongsikan dengan orang ramai dan disiarkan di dalam **laman sesawang JPES, aplikasi PenggunaBijak** dan **social media**. Di dalam aplikasi PenggunaBijak juga terdapat senarai syarikat-syarikat perniagaan yang mempunyai **stok barangan** asasi berkenaan.
3. Tujuan maklumat senarai harga ini dikongsikan adalah bagi mewujudkan ketelusan harga serta bagi membolehkan orang ramai mengetahui harga dan pilihan yang terdapat di pasaran.
4. Berikutan dengan pengumuman mengenai terdapatnya kes jangkitan COVID 19 di Negara ini, pemantauan keatas harga barangan telah ditambah sejak 7hb. Ogos 2021 meliputi barangan seperti **sungkup muka, pembersih tangan, minyak masak, beras, susu tepung anak damit, ayam, daging lembu, telur, dan bawang**.
5. Para pengguna disarankan untuk menggunakan aplikasi PenggunaBijak bagi membuat perbandingan harga dan pilihan. Harga barangan adalah berbeza dari satu kedai ke satu kedai yang lain tertakluk kepada faktor antaranya sumber bekalan, kualiti dan kapasiti. Diharap melalui aplikasi PenggunaBijak ini dapat membantu pengguna dalam membuat perbandingan harga dan seterusnya membuat pilihan yang tepat dan bijak.

6. JPES dengan kerjasama pihak Darussalam Enterprise (DARE) telah membuat pemantauan keatas tahap stok barangan asasi termasuk sungkup muka dan pembersih tangan di peringkat pembekal dan peruncit.
7. Dalam hubungan ini, **setakat ini** kedudukan stok barangan asasi adalah seperti berikut:
 - (i) Simpanan **stok beras wangi** mencukupi dan telah dipertingkatkan stok penyimpanan sehingga 8 bulan;
 - (ii) Bekalan **ayam, daging** serta **telur** yang mencukupi memandangkan barangan tersebut boleh diperolehi berdasarkan kepada keberadaan barangan tersebut di kedai-kedai runcit dan pasaraya;
 - (iii) Jumlah bagi barangan lain seperti sungkup muka, pembersih tangan, minyak masak dan susu tepung formula adalah didapati memadai di pasaran khususnya di peringkat peruncit, setakat ini; dan
 - (iv) Di peringkat pembekal pula, pengimport utama makanan kering mempunyai stok yang mencukupi iaitu sekitar 1-3 bulan bergantung pada produk dan jangka hayat (*shelf life*), seperti minyak masak, susu tepung, makanan beku (*frozen food*), dan makanan tin termasuk makanan yang mempunyai permintaan yang tinggi dari pengguna (makanan tin sardin, kari ayam dan daging). Para pengimport juga berusaha mempelbagaikan sumber bekalan dengan mendapatkan pembekal / jenama alternatif bagi mengurangkan impak kenaikan harga dan gangguan rantaian bekalan.
8. Mengambil kira barangan seperti sungkup muka, barangan kebersihan dan perlindungan diri dianggap sebagai barangan keperluan asasi dalam situasi pandemik ini, JPES ingin menasihatkan para peniaga untuk menjual barangan tersebut pada harga yang munasabah dan berpatutan dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan tersebut di dalam situasi pandemik masa ini.

9. Dalam hal ini, pihak JPES akan mengarahkan para peniaga untuk menghadapkan maklumat dan justifikasi ke atas kenaikan harga barangan tersebut sekiranya harga yang dijual dianggap terlalu tinggi dan tidak munasabah.
10. Para peniaga juga dinasihatkan untuk mempertimbangkan langkah-langkah sementara seperti pencatuan pembelian barangan bagi memastikan bekalan mencukupi dan orang ramai boleh mendapatkannya dengan mudah.
11. Dikesempatan ini, JPES menyeru kerjasama berterusan dari pihak peniaga untuk memberikan maklumat-maklumat harga dan stok yang tepat dan benar.
12. Pemberian maklumat palsu kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah Bab 177 Kanun Hukuman Jenayah, yang boleh membawa hukuman penjara hingga 6 bulan atau denda \$4,000, atau kedua-duanya.
13. Sebarang isu dan hal ehwal pengguna yang berkaitan dengan amalan perniagaan para peniaga yang tidak beretika, orang ramai bolehlah menghubungi JPES melalui talian Pengguna Darussalam 123 atau WhatsApp ke 8333123. Aduan pengguna juga boleh disalurkan melalui PenggunaBijak atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
